

Newspaper	BERITA HARIAN
Date	01 JUNE 2017

11 inisiatif pelengkap transformasi Cyberjaya

BH-1/6/2017
Pg-5

➔ Langkah capai sasaran sebagai hab teknologi global, bandar pintar

**Oieh Suhaila
Shahrul Annuar**
suhaila.shahrul@bh.com.my

► Cyberjaya

Sebanyak 11 inisiatif utama diumumkan Datuk Seri Najib Razak, akan melengkapkan transformasi Cyberjaya sebagai hab teknologi global dan bandar pintar.

Perdana Menteri berkata, inisiatif itu termasuk projek pembangunan berimpak tinggi yang menjadi kunci utama pelaburan di Cyberjaya iaitu Cyberjaya City Centre (CCC), projek pembangunan bersama antara Malaysian Resources Corporation Berhad (MRCB) dan Cyberview Sdn Bhd (Cyberview) dengan nilai pembangunan kasar (GDV) RM11 bilion.

Beliau berkata, CCC akan menyediakan ekosistem sempurna, malah menjadi lokasi sesuai didiami membangkitkan pembangunan bercampur seperti pusat konvensyen, pangsapuri, ruang perniagaan runcit dengan pembangunan fasa pertama unit pejabat sedang pesat berjalan, manakala pusat konven-

syen dan hotel dijangka siap pada 2019.

Selain itu, katanya, Dana Inovasi Cyberjaya Untuk Masa Depan (CIFF) sebanyak RM100 juta turut disediakan untuk menyokong penciptaan dan pemelesaian inovasi melalui pelbagai penyelesaian cabaran dalam pembangunan bandar pintar Cyberjaya.

"Ia dana unik untuk perusahaan kecil dan sederhana (PKS) tempatan atau antarabangsa, sebagai pemangkin penciptaan harta intelek melalui pembangunan perniagaan berskala bagi projek bandar pintar Cyberjaya," katanya dalam ucapan pelancaran Bandar Pintar Cyberjaya sempena ulang tahun ke-20 penubuhan Cyberjaya, di sini, semalam.

Najib berkata, antara inisiatif lain termasuk kerjasama strategik antara Cyberview dan sebuah syarikat teknologi dari China, Winhong Information Technology Co Ltd melalui satu Memorandum Persefahaman (MoU) bagi Penubuhan Pusat Data Besar Asia di bandar pintar itu dengan sistem operasi data penstoran digital.

"Dalam tempoh lima tahun



Najib mendengar penerangan daripada Pengarah Urusan Kumpulan MRCB, Tan Sri Mohamed Salim Fateh Din (kanan) sambil diperhatikan Pengerusi MRCB Builders Sdn Bhd, Datuk Seri Ir Dr Judin Abdul Karim pada pelancaran Bandar Pintar Cyberjaya sempena ulang tahun ke-20 penubuhan Cyberjaya, semalam.

Info

11 inisiatif

- ➔ **1. Penubuhan** Pusat Data Besar Asia
- ➔ **2. Regional Fintech Hub** dan Beijing Fullrich Information Technology Co Ltd
- ➔ **3. Cyberjaya** Futurise Centre
- ➔ **4. Bandar** Keusahawanan Lautan Biru (BOET)
- ➔ **5. Cyberjaya** City Centre (CCC)
- ➔ **6. Dana Inovasi** Cyberjaya Untuk Masa Depan (CIFF)
- ➔ **7. Program** Biasiswa Cyberview
- ➔ **8. Pusat Data** Lembah Klang VADS (KVDC)
- ➔ **9. Pusat Data** CBJ4Annex
- ➔ **10. Sensor Applications** Innovation Centre (SONIC)
- ➔ **11. Internet berkelajuan** 1 gigabait sesaat (1Gbps) untuk kegunaan komersial dan rumah

akan datang, penubuhan pusat data besar itu dijangka mampu menyediakan kira-kira 500 peluang pekerjaan di Cyberjaya.

"Melihat aspek ekonomi menerusi inisiatif bandar pintar Cyberjaya, sebuah Bandar Keusahawanan Lautan Biru (BOET) akan ditubuhkan sebagai satu komponen di bawah kluster keusahawanan Cyberjaya, yang menyasarkan lebih 500 peluang pekerjaan dan pengwujudan lebih 1,200 usahawan terlatih.

Perkukuh ekosistem

"Kewujudan bandar keusahawanan ini di tapak seluas 1.6 hektar, akan memperkukuhkan ekosistem sedia ada di Cyberjaya dalam menyediakan persekitaran kondusif untuk usahawan bukan saja dari segi infrastruktur fizikal, malah peningkatan kemahiran melalui program keusahawanan dan pendedahan kepada rangkaian perniagaan lebih luas.

"Selain itu, penubuhan Cyberjaya Futurise Centre di kampus Pusat Inovasi dan Kreativiti Global Malaysia (MaGIC) akan bertindak sebagai hab perintis inovasi masa

depan negara, bakal menyaksikan syarikat korporat, institusi pengajian tinggi dan usahawan bekerjasama menajana inisiatif inovasi secara berkesan.

"Dengan adanya komitmen dan sokongan pelbagai pihak termasuk penggiat industri, syarikat teknologi, universiti tempatan dan antarabangsa serta sektor korporat pusat ini bakal membangunkan inisiatif menakjubkan untuk negara, selaras wawasan Transformasi Nasional 2050 (TN50)," katanya.

Katanya, inisiatif lain termasuk kemudahan internet berkelajuan tinggi dengan kelajuan jalur lebar terpanjang di Malaysia yang memecah 1 gigabait sesaat (1Gbps), yang sebelum ini hanya diguna pakai syarikat perniagaan di Cyberjaya, kini boleh dinikmati semua kediaman di Cyberjaya pada harga berpatutan.

"Perkembangan Cyberjaya kini menyumbang kepada pembangunan dan pembentukan masyarakat berteknologi maklumat seiring agenda nasional khususnya dalam membangunkan ekonomi digital," katanya.

(FOTO MOHD FADLI HAMZAH / BH)